

21 MAY 1998

DOMPOK KETUA MENTERI SABAH YANG BARU

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Sabah Tan Sri Bernard Dompok hari ini diumumkan sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru bagi mewakili masyarakat Bumiputera bukan Islam mengikut sistem penggiliran jawatan itu di negeri itu.

Pengumuman itu dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat mengenai pembiayaan semula kredit eksport di Perbendaharaan di sini.

"Saya telah diminta oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk mengumumkan nama Ketua Menteri Sabah yang baru bagi menggantikan Datuk Yong Teck Lee, iaitu Tan Sri Bernard Dompok.

"Beliau (Dompok) akan berunding secepat mungkin dengan Perdana Menteri sebelum mengangkat sumpah jawatan dan menyusun kabinet negeri," katanya.

Dompok, 49, ialah Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

Yong akan tamat tempoh memegang jawatan Ketua Menteri Sabah menjelang hujung bulan ini.

Pengumuman Anwar itu mengakhiri spekulasi yang sekian lama diperkatakan di Sabah, ekoran kewujudan dua pemimpin Bumiputera bukan Islam yang dikatakan sama-sama mempunyai peluang untuk dilantik ke jawatan itu.

Selain Dompok, yang turut disebut-sebut ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PDS).

Penamaan seorang pemimpin Bumiputera bukan Islam itu menyempurnakan janji Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN kepada rakyat di negeri ini pada 1994 untuk menggilirkan jawatan itu masing-masing selama dua tahun antara tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam.

-- BERNAMA

TEAM NMO